

MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 JUN (BERNAMA) -- EKONOMI NEGARA SUDAH MENUNJUKKAN TANDA-TANDA PEMULIHAN ANTARANYA DALAM INDUSTRI ELEKTRONIK DAN PEMBALAKAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

HARGA MINYAK PETROL SEMAKIN STABIL DAN KEMUNGKINAN PULIH SEDIKIT-SEBANYAK BEBERAPA BULAN LAGI, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU YAKIN PROSES PEMULIHAN EKONOMI NEGARA AKAN BERTERUSAN WALAUPUN SECARA PERLAHAN-LAHAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA MAJLIS PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG-BINTANG DAN PINGAT SEMPENA KEPUTERAAN YANG DI-PERTUAN AGONG DI SINI.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA YANG TELAH BERMULA MENGAMBIL KIRA SEMUA ASPEK EKONOMI NEGARA SERTA EKONOMI ANTARABANGSA DAN KERAJAAN BERASA YAKIN BAHAWA SEBAHAGIAN BESAR OBJEKTIF DASAR EKONOMI BARU (DEB) AKAN TERCAPAI, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KAWALAN KE ATAS IMPORT DAN KAWALAN KEWANGAN YANG KETAT OLEH KERAJAAN SEJAK BEBERAPA TAHUN LEPAS MENAMPACKAN HASIL YANG MENGGALAKKAN. -- LAGI.

1205MST 21 06 86

D485

R B363 AAB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

SATU CONTOH KEJAYAAN KAWALAN ITU IALAH MENINGKATNYA SIMPANAN LUAR NEGERI APABILA JUMLAHNYA PADA HUJUNG TAHUN LEPAS BERSAMAAN DENGAN KEUPAYAAN NEGARA MEMBAYAR IMPORT NEGARA SELAMA 4.9 BULAN BERBANDING DENGAN HANYA 3.5 BULAN DALAM TAHUN 1984, KATA BELIAU.

KEJAYAAN-KEJAYAAN AWAL DALAM USAHA KAWALAN KEWANGAN YANG KETAT IALAH DALAM PENJIMATAN MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG PENTING DAN PATUT DISEGERAKAN SAHAJA, TAMBAH BELIAU.

BEBERAPA PROJEK PEMBANGUNAN YANG LAIN DAPAT DILAKSANAKAN MELALUI PENJIMATAN OLEH KERAJAAN SERTA PINJAMAN LUAR NEGERI.

KATANYA PINJAMAN SAMA ADA DALAM ATAU LUAR NEGERI HANYA UNTUK PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG MEMPUNYAI PULANGAN KEWANGAN KEPADA EKONOMI NEGARA.

MENGENAI PERPADUAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN BERBANGGA DENGAN TAHAP PERPADUAN YANG DICAPAI SETAKAT INI TETAPI USAHA PERLU DITERUSKAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN PERPADUAN SUPAYA TERBINA NEGARA YANG TEGUH DAN MAKMUR. -- LAGI.

1219MST 21 06 86

D486

R B364 AAB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+INSYA-ALLAH BILANGAN RAKYAT NEGARA INI YANG CINTA AKAN PERPADUAN, YANG RASIONAL DAN SENTIASA BERWASPADA TENTANG PENTINGNYA PERPADUAN ADALAH LEBIH RAMAI. SEGELINTIR SAHAJA YANG KADANG-KADANG GHAIRAH DENGAN ISU-ISU YANG BOLEH MENINGKATKAN PERASAAN PERKAUMAN OLEH KERANA KEPENTINGAN DIRI SENDIRI,+ KATANYA.

PADA KESELURUHANNYA DUGAAN-DUGAAN KECIL INI AKHIRNYA AKAN MENJADIKAN NEGARA BERTAMBAH KUAT DAN LEBIH BERSATU, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERIKRAR KERAJAANNYA AKAN TERUS MENUMPUKAN USAHA DAN TENAGA UNTUK BEKERJA DENGAN PENUH SEMANGAT SERTA TEKAD BAGI MENJAMIN KEMAKMURAN, KESELAMATAN DAN KEBAHAGIAN RAKYAT SERTA NEGARA. -- BERNAMA

1221MST 21 06 86